

Penduduk pedalaman nikmati bekalan api tujuh jam sehari

ZAPHNE PHILIP

KOTA SAMARAHAN, Rabu — Kini penduduk kawasan pedalaman Sarawak seperti Padawan, Sri Aman, Bario dan Julau boleh menikmati bekalan elektrik sekurang-kurangnya enam hingga tujuh jam sehari, kata Ketua Kumpulan Hidro, Dr Hushairi Haji Zen.

Jelas beliau, bekalan elektrik merupakan keperluan asas yang perlu dipenuhi terutamanya di kawasan pedalaman.

"Justeru, projek mikro hidro merupakan pendekatan yang amat sesuai untuk dilaksanakan memandangkan faktor geografi kawasan berkenaan sukar untuk menggunakan kaedah biasa seperti pengagihan bekalan melalui talian grid, solar dan turbin angin.

"Setakat ini, dua kawasan pertama yang menikmati manfaat projek ini adalah di Semulong Ulu dan Bukit Asum, Bario," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan), Fakulti Kejuruteraan berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri majlis perasmian Minggu Kejuruteraan 2013 di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Hushairi berkata, pengguna mikro hidro adalah jauh lebih bagus berbanding dengan penggunaan generator yang menggunakan diesel sebagai bahan bakar.

"Kos untuk membeli diesel amat mahal, dan hanya boleh bertahan dua hingga tiga jam sahaja.

"Sungguhpun kos pelaksanaan projek itu melebihi RM1 juta namun ia mampu memberikan manfaat yang

besar kepada penduduk kampung dalam jangka masa yang panjang," katanya.

Jelasnya, kebanyakan kos tersebut adalah untuk menampung kos logistik seperti kenderaan yang digunakan untuk sampai di kawasan projek.

"Pelaksanaan projek ini juga memakan masa dua hingga tiga tahun memandangkan ia perlu melalui proses penilaian sehinggalah ke proses pelaksanaan.

"Setelah projek diluluskan dan mendapat persetujuan daripada penduduk kampung barulah ia akan dilaksanakan kerana projek ini turut melibatkan penduduk kampung," ujarinya.

Tambahnya, setakat ini lebih 100 buah kawasan di pedalaman dikenal pasti untuk melaksanakan projek mikro hidro agar masyarakat mampu menikmati kemudahan asas itu dengan sempurna.



TERANG ... Pengarah Program Minggu Kejuruteraan 2013, Dr. Muhamad Faizal Hafiz Shamsi (dua kanan) memberikan penerangan kepada Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan), Fakulti Kejuruteraan, Hushairi Haji Zen (kiri) mengenai pameran yang dipamerkan di Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS, semalam.